



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN POLIGAMI TERHADAP KEBAJIKAN ANAK-ANAK DAERAH HILIR PERAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN POLIGAMI DAN KEBAJIKAN TERHADAP ANAK-ANAK DAERAH HILIR PERAK

NOOR AZNAN BIN NORDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SYARIAH)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



22. 10. 2012



05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil ShahNOOR AZNAN BIN NORDIN
M20071000233

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

KESAN POLL GAMI TERHADAP KEBASIKANANAK - ANAK DAERAH HILIR PERAK

No. Matrik / Matic's No.:

M 90071000233

Saya / I :

NOOR AZNAN BIN NORDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**DR. MISNAN BIN JEMALI

Pensyarah

Jabatan Pengajian Islam

Fakulti Sains Sosial dan Komunitarian
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 07 - 12 - 2012

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبةُ لِلْمُتَّقِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Pengkaji amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas keizinannya, kajian ini dapat disiap dan disempurnakan. Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden kajian yang terlibat antaranya dalam kalangan keluarga berpoligami di Daerah Hilir Perak diatas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Tidak lupa juga rakaman terima kasih kepada sekolah-sekolah dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Daerah Hilir Perak yang telah memberi kerjasama bagi mendapatkan dokumen dan data soal selidik dan temubual.



Rakaman jutaan terima kasih khususnya buat al-Fadhil Dr. Misnan bin Jemali selaku penyelia utama dan Prof. Dato' Dr. Yaacob bin Harun selaku penyelia bersama di atas curahan ilmu, bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat yang tidak jemu-jemu sehingga disertasi ini berjaya disiapkan, *Jazakumullahu Khaira al-Jaza*. Terima kasih juga diucapkan kepada individu-individu yang turut membantu menyiapkan penulisan disertasi ini. Sokongan, nasihat dan buah fikiran anda semua amat dihargai.

Buat ayahanda tersayang yang banyak memberi semangat dan sokongan kini hanya tinggal kenangan buat diriku kerana ia telah kembali bertemu Allah buat selamalamnya. Kini hanya tinggal bonda tersayang yang masih meniti usia emasnya sentiasa mendoakan, menasihati dan memberi semangat untuk terus berusaha tanpa rasa jemu dan putus asa sehingga anakanda berjaya menyempurnakan disertasi ini. Tidak lupa juga buat isteri tersayang, Siti Zainon bt. Mohd Hanafiah yang amat memahami keadaanku dan tidak jemu-jemu memberi sokongan dan kasih sayang kepadaku untuk menyiapkan penulisan ini. Buat putera dan puteri tersayang diharapkan perjuangan ayahanda ini menjadi dorongan dan penyuntik semangat kepada kalian dan dengan keletah kalian dapat menyambung tugas yang suci ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan tanggungjawab bapa berpoligami dalam menjaga kebijakan anak-anak mereka di Daerah Hilir Perak. Empat aspek kebijakan yang dikaji iaitu; pendidikan formal, Pendidikan agama, nafkah dan kasih sayang serta perhatian terhadap anak-anak. Kajian ini melibatkan anak-anak dalam keluarga berpoligami di sekolah rendah Daerah Hilir Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa iaitu kuantitatif dan kualitatif dan sampelnya terdiri daripada 80 murid di Daerah Hilir Perak. Temubual dijalankan ke atas suami yang berpoligami, isteri dan juga Timbalan Pegawai Tadbir Agama Daerah Hilir Perak. Data soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan frekuensi. Analisis Ujian t (*t-test*) juga digunakan untuk melihat perbezaan pelaksanaan setiap tanggungjawab bapa berkenaan dengan kebijakan anak-anak. Dapatkan kajian deskriptif menunjukkan keseluruhan peratusan dan skor min pada tahap sederhana, iaitu; aspek pendidikan formal 65.68% (min=3.27), pendidikan agama 68.54% (min=3.41), tanggungjawab memberi nafkah menunjukkan 71.28% (min 3.57), kasih sayang dan perhatian 59.32% (min=2.94) dan). Manakala Ujian t (*t-test*) pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pendidikan formal, agama, tanggungjawab nafkah dan tanggungjawab kasih sayang serta perhatian terhadap anak-anak dalam keluarga yang berpoligami. Hasil temubual responden kalangan isteri yang dipoligami bersetuju bahawa suami telah melaksanakan tanggungjawab memberikan pendidikan formal, didikan agama, nafkah dan kasih sayang terhadap anak-anak. Kalangan suami yang berpoligami juga menyatakan bahawa segala keperluan anak-anak dari aspek pendidikan formal, agama, nafkah dan kasih sayang telah disempurnakan mengikut keperluan dan kemampuan. Dapatkan temubual bersama Timbalan Pegawai Tadbir Agama pula menyatakan bahawa sebilangan kecil sahaja kalangan bapa yang berpoligami di Daerah Hilir Perak melaksanakan tanggungjawab kebijakan terhadap anak-anak. Implikasi dapatkan kajian ini terhadap Pejabat Agama Islam, Pejabat Agama Islam Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, masyarakat dan institusi kekeluargaan turut dibincangkan.





EFFECT ON POLYGAMY AND CHILDREN'S WELFARE IN THE DISTRICT OF HILIR PERAK

ABSTRACT

This study aims to look at how the implementation of a polygamous father's responsibility in protecting the welfare of children in Hilir Perak District. Four aspects of the welfare will be discussed formal education, religious education, maintenance care and concern for children. This study involves children in polygamous families in Hilir Perak district schools. This study uses the current methods of quantitative and qualitative, and the sample consisted of 80 students in Hilir Perak district, while the interviews conducted involves polygamous husbands and their spouses, as well as the Deputy Administrative Officer Religious Hilir Perak District. Data were analyzed to determine the frequency and descriptive. Whereas the t test (t-test) is also used to compare the implementation of father's duties as stated above concerning the welfare to the children. Descriptive findings shows that the overall percentage and mean scores are at the moderate level, i.e., aspects of formal education 65.68% (mean = 3.27), religious education 68.54 (mean = 3.41), the responsibility of support shows 71.28% (mean 3.57), and love and attention 59.32% (mean = 2.94) and). T test (t-test) shows no significant difference in formal education, religious education, and responsibility providing maintenance as welfae responsibility in the aspect of providing cares to the children. From the outcomes of interview conducted involving the wives from those polygamous family, they agreed that their husbands do accomplish their responsibilities in giving formal education, religious education, maintenance, care and concern for their children. The polygamous husbands share the same point of view too but not the Deputy Administrative Religious Officer of Hilir Perak. According to him, only a few of polygamous fathers completing their responsibilities towards their children well. The implication of these findings to the Office of Religious Affairs, Office of the District of Islam, the State Education Department, District Education Offices, schools, community and family institutions are discussed.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
JADUAL TRANLITERASI	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	10





1.7	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Limitasi Kajian	14
1.10	Kajian-kajian Berkaitan	15
1.11	Penutup	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Poligami	20
2.3	Konsep Keadilan	29
2.4	Sorotan Poligami Rasulullah S.A.W	34
2.5	Amalan Poligami di Daerah Hilir Perak	38
2.6	Peruntukan Poligami di Bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak.	41
2.7	Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-Anak	46
2.7.1	Pendidikan Formal	46
2.7.2	Pendidikan Agama	52
2.7.3	Tanggungan Nafkah	63
2.7.4	Pemberian Kasih Sayang serta perhatian	72
2.8	Penutup	76





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Tempat Kajian	84
3.4	Sampel Kajian	85
3.5	Instrumen Kajian	85
3.6	Kajian Rintis	88
3.7	Tatacara Pemerolehan Data	89
3.8	Tatacara Penganalisan Data	91
3.9	Penutup	92



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	94
4.2	Dapatan Kajian Anak-anak	95
4.2.1	Profil Responden Anak-anak	95
4.2.2	Dapatan Kajian Berdasarkan Analisa Deskriptif	103
4.2.2.1	Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Formal	103
4.2.2.2	Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Agama	108
4.2.2.3	Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Tanggungan	





Nafkah	112
4.2.2.4 Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pemberian Kasih Sayang dan Perhatian	117
4.2.3 Dapatan Kajian Berdasarkan Analisa Inferensi	120
4.2.3.1 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Formal Berdasarkan Jantina	120
4.2.3.2 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Formal Berdasarkan Jantina melalui 9 item Pemboleh Ubah Bersandar	121
4.2.3.3 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Agama Berdasarkan Jantina	125
4.2.3.4 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pendidikan Agama di Rumah Berdasarkan Jantina	126
4.2.3.5 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Tanggungan Nafkah Anak-anak Berdasarkan Jantina Melalui 9 Item Pemboleh Ubah Bersandar	131
4.2.3.6 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Tanggungan Nafkah Anak-anak Berdasarkan Jantina Melalui 9 Item Pemboleh Ubah Bersandar	132
4.2.3.7 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek Pemberian Kasih Sayang serta Perhatian Berdasarkan Jantina	136
4.2.3.8 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Kebajikan Anak-anak Dalam Aspek	



Pemberian Kasih Sayang serta Perhatian
Berdasarkan Jantina Melalui 8 Item Pemboleh
Ubah Bersandar

137

4.3	Analisa Dapatan Temu bual Ibu Bapa	141
4.3.1	Latar Belakang Ibu dan Bapa	141
4.3.2	Dapatan Temubual Bersama Ibu-ibu	142
4.3.3	Dapatan Temubual Bersama Bapa-bapa	153
4.3.4	Dapatan Temubual Bersama Timbalan Pegawai Tadbir Agama	164
4.4	Penutup	168



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	169
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	171
5.2.1	Tanggungjawab Bapa dari Aspek Pendidikan Formal	171
5.2.2	Tanggungjawab Bapa dari Aspek Pendidikan Agama	176
5.2.3	Tanggungjawab Bapa dari Aspek Tanggungan Nafkah	178
5.2.4	Tanggungjawab Bapa dari Aspek Pemberian Kasih Sayang	182
5.3	Kesimpulan	184
5.4	Cadangan	188
5.5	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	199





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

5.6	Penutup	202
	RUJUKAN	203
	LAMPIRAN	215



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
4.1 Profil Anak-anak Mengikut Jantina	95
4.2 Profil Anak-anak dari Isteri	96
4.3 Status Anak-anak Mengikut Bilangan	96
4.4 Kategori Umur Anak-anak	97
4.5 Status kaum Etnik Anak-anak	98
4.6 Bapa Mengajar Responden Mengaji	99
4.7 Perbelanjaan Wang Saku Anak-anak	100
4.8 Responden Terlibat dengan Kelas Tuisyen	101
4.9 Responden Melakukan Solat	101
4.10 Perbincangan Masalah Pelajaran Bapa	102
4.11 Tanggungjawab dalam memberi Kebajikan Pendidikan Formal Terhadap anak-anak	103
4.12 Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa dari Aspek Pendidikan Agama	108
4.13 Kebajikan dari Aspek Menanggung Nafkah	112
4.14 Kebajikan dari Aspek Pemberian Kasih Sayang dan Perhatian	117
4.15 Ujian-t Perbezaan Tahap Penerimaan Kebajikan Pendidikan Formal Anak-anak Berdasarkan Jantina	120
4.16 Perbezaan Tanggungjawab Bapa Dalam Memberi Pendidikan Formal Anak-anak Berdasarkan Jantina	121
4.17 Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Pendidikan Agama Anak-anak Berdasarkan Jantina	125
4.18 Perbezaan Tanggungjawab Bapa Terhadap Melaksanakan Pendidikan Agama Anak-anak Berdasarkan Jantina	126





4.19	Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Tanggungan Nafkah Bapa Terhadap Anak-anak Berdasarkan Jantina	131
4.20	Perbezaan Pelaksanaan Tanggungjawab Tanggungan Nafkah Terhadap Anak-anak Berdasarkan Jantina Dari 9 Item Pemboleh Ubah Bersandar	132
4.21	Perbezaan Pemberian Kasih Sayang serta Perhatian Terhadap Anak-anak Berdasarkan Jantina	136
4.22	Perbezaan Pemberian Kasih Sayang serta Perhatian Bapa Terhadap Anak-anak Berdasarkan Jantina dari 8 Item Pemboleh Ubah Bersandar	137





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
2.1	Amalan Poligami Dari Aspek Usia Bapa Berpoligami Daerah Hilir Perak	37
2.2	Pekerjaan Bapa Yang Berpoligami Daerah Hilir Perak	38



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

B.	Bin	16
BT	Binti	17
Ed.	Edisi	160
En.	Encik	39
EUKIP	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak	68
JAIPK	Jabatan Agama Islam Perak	150
JLD.	Jilid	154
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia	89
LWN	Lawan	7
NO	Nombor	13
RA	Radiyallahu anhu	22
RB	Responden Bapa	145
RI	Responden Ibu	135
S.A.W.	Salallahu alai' wassalam	25
Sdn. Bhd	Sendirian Berhad	158
SPSS	Statistical Package for Social Sciences	91
S.W.T.	Subhanahu wata'ala	3
T.TH	Tanpa Tahun	22
Terj.	Terjemahan	154
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia	93
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris	90





JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab/Jawi	Huruf Latin
ا	A
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	S
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	c
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k





ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ء	'
ي	y
چ	cha
ڻ	nya
ڦ	f
ڳ	ga



Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ـ (فتحة)	A	فَعْل	fa ^c ala
ـ (كسرة)	I	حَسِيب	hasiba
ـ (ضمة)	U	كُتُب	kutiba

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا، ى	A	كَاتِب ، قَضِي	Katib, qada
ي	I	كَرِيم	Karim
و	U	حَرُوف	Huruf





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xviii

DIFTONG

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
وْ	<u>Aw</u>	قول	Qawl
يْ	<u>Ay</u>	سيف	Sayf
يَ	<u>Iyy / i</u>	رجعي	raj ^c iyy / raj ^c i
و	<u>Uww / u</u>	عدو	^c aduww / ^c adu

Semua transliterasi yang digunakan dalam penulisan pengkaji adalah berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke empat tahun 2005.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xix

SENARAI LAMPIRAN

A	Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	156
B	Borang Soal Selidik Anak-anak Poligami	157
C	Protokol Temubual Bersama Bapa	166
D	Protokol Temubual Bersama Ibu	172
E	Protokol Temubual Bersama Timbalan Pegawai Tadbir Agama Daerah Hilir Perak	177
F	Protokol Soal Selidik Kebajikan Terhadap Anak-anak	180



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perkahwinan merupakan satu tanggungjawab, bukan sahaja dari segi agama malahan merupakan tanggungjawab sosial. Menjaga kebijakan keluarga dan melindungi mereka daripada perkara-perkara buruk adalah antara tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh seorang yang bergelar bapa.

Poligami pada dasar hukum adalah harus. Allah S.W.T mensyariatkan perkahwinan poligami bagi melahirkan hubungan baik di antara lelaki dan wanita serta menghindarkan dari berlakunya maksiat. Perkahwinan poligami melalui kebijaksanaan yang tinggi dan mulia merupakan laluan bersih melahirkan keturunan dan memakmurkan bumi. Perkahwinan merupakan kaedah terbaik bagi menzahirkan ketenangan jiwa dan ketenteraman hati serta menjaga kesucian diri dari perbuatan keji. Kehidupan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



berpasangan lumrah kehidupan manusia. Bagi memenuhi keperluan ini, umat Islam terikat dengan peraturan perkahwinan yang berteraskan syariat. Melalui perkahwinan akan melahirkan kebahagiaan dan kasih sayang serta tanggungjawab. Justeru menjadi motivasi dan penggerak ke arah kesempurnaan hidup dunia dan akhirat. Manakala perkahwinan yang retak menunjukkan kelemahan peribadi, akan membawa kesan negatif kepada diri, keluarga bahkan masyarakat (Ahmad Ali 1984). Ini dinyatakan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran, surah Yasin ayat 36;

سُبْحَنَ اللَّهِي خَلَقَ الْأَرْضَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ

(Al-Quran, Yasin 36: 36)



Maksudnya;

Maha suci Allah yang menjadikan kejadian semua berpasangan dari sesuatu yang tumbuh di bumi, dari mereka (manusia) dan dari sesuatu yang mereka tiada mengetahui.

Sifat-sifat tersendiri yang terdapat pada lelaki dan wanita membuktikan bahawa lelaki dijadikan sebagai pelindung wanita. Sempurna kehidupan manusia dengan adanya pasangan, dan janggal kehidupan jika penghuninya hanya lelaki atau perempuan sahaja. Kejadian berpasangan lelaki dan perempuan menyempurnakan kehidupan. Kejadian berpasangan satu saluran untuk meneruskan keturunan manusia (H.Salim Bairaisy, 1988). Ini dinyatakan di dalam Al-Quran, surah An-Nisa';





يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

(Al-Quran, al-Nisa' 4:1)

Maksudnya;

“ Wahai manusia bertakwalah kepada Tuhan kamu yang menjadikan kamu semua dari jiwa yang satu dan dijadikan daripadanya pasangan dan berkembang daripada keduanya ramai di kalangan lelaki dan perempuan”.

Keterangan di atas menunjukkan Allah S.W.T. menjadikan lelaki dan wanita

lengkap melengkapi bagi kehidupan manusia. Bagi mengekalkan keturunan manusia di dalam jangka waktu yang panjang sehingga Allah S.W.T. menentukan berakhirnya sejarah manusia di bumi. Semuanya rahmat Allah S.W.T. kepada manusia yang diamanahkan untuk mengendalikan urusan di bumi sebagai khalifah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Keluarga merupakan unit asas di dalam sesebuah negara. Jika negara diibaratkan seperti sebuah rumah, maka rumahtangga asas binaan rumah tersebut. Dalam membangun sebuah negara yang maju dan progresif, asas binaan yang perlu diperkuatkan terlebih dahulu. Jika asas kukuh, akan teguhlah negara yang dibangunkan. Jika sebaliknya,





negara tersebut tidak bertahan lama dan hanya menantikan saat keruntuhan. Menurut Mustafa al-Khin (1987), keluarga bermaksud komposisi yang terdiri daripada bapa, ibu, nenek, anak dan cucu. Oleh itu, institusi kekeluargaan ialah manifestasi hukum, prinsip dan kaedah yang menguasai dan mendasari pembinaan atau pembentukan keluarga.

Tanggungjawab menjaga kebijakan anak-anak merupakan perkara wajib. Anak-anak yang dibesarkan dengan tanggungjawab, akan menjalani kehidupan dengan sempurna walaupun dibesarkan dalam keluarga yang diketuai bapa yang mengamalkan poligami. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, ia menunjukkan kejayaan bapa melaksanakan tanggungjawab tersebut dan menolak pandangan negatif masyarakat setempat terhadap amalan poligami. Berpoligami merupakan amalan mudah bagi melaksanakannya. Namun, apakah amanah yang dipertanggungjawabkan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna menurut tuntutan Islam? Melaksanakan tanggungjawab ke atas anak-anak merupakan proses pembangunan insan yang harus dilaksanakan sepanjang hayat. Hasil dari pemberian kasih sayang yang sempurna dapat membentuk keperibadian anak-anak yang mulia dan seterusnya mampu membentuk dan melahirkan pembangunan modal insan yang sempurna.

Bapa bertanggungjawab terhadap pelaksanaan tanggungjawab pendidikan agama ke atas anak-anak. Pendidikan agama yang halus dan teliti dapat membentuk sahsiah anak-anak dengan sempurna. Tanggungjawab dan peranan bapa dalam tumbesaran dan pembentukan anak-anak sangat penting dan mempunyai pengaruh yang sangat besar. Dalam proses mendidik dan membesarkan anak-anak pelbagai ragam perlu dilalui oleh





ibu bapa. Lazimnya, perlakuan anak-anak akan menggugat kesabaran ibu bapa. Emosi negatif anak perlu ditangani dengan beliaian ilmu dan usaha berterusan untuk menjauhkan mereka daripada terbawa-bawa tingkahlaku yang tidak baik sehingga mempengaruhi sikap. Ibn Khaldun menegaskan bahawa, pendidikan merupakan proses untuk mengubah tabiat seseorang (Al-Tusi 1964). Pandangan tersebut dihuraikan oleh ahli falsafah barat sebagai satu proses membentuk kecenderungan asasi yang berupa pemikiran dan perasaan terhadap alam dan sesama manusia (Ahmad Ibrahim 1977).

Isu poligami serta kaitannya dengan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebijakan anak-anak adalah suatu perkara yang menarik untuk dikaji berdasarkan beberapa faktor, antaranya ialah; sejauh mana bapa melaksanakan tanggungjawab terhadap kebijakan anak-anak, adakah bapa yang mengamalkan poligami melaksanakan tanggungjawab terhadap kebijakan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, tanggungan nafkah, pemberian kasih sayang serta perhatian atau sebalik dengan mengabaikan anak-anak sehingga terbiar dan dinafikan hak kebijakannya sehingga merosakkan diri, keluarga dan masyarakat? Sejauhmanakah benarnya penyataan ini memerlukan kepada satu penelitian yang mendalam. Hal ini telah mendorong pengkaji melakukan satu kajian yang mendalam terhadap permasalahan ini.





1.3 PERNYATAAN MASALAH

Amalan berpoligami merupakan sunnah menurut syariat Islam. Hasil dari berpoligami akan memberi kesan yang baik dan buruk terhadap pelaksanaan tanggungjawab kebijakan terhadap anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, tanggungan nafkah dan kasih sayang serta perhatian. Ini bergantung kepada cara pelaksanaan tanggungjawab tersebut disempurnakan oleh bapa. Masyarakat menganggap pelaksanaan tanggungjawab kebijakan tersebut mudah dilaksanakan. Akan tetapi, sejauhmanakah amanah tanggungjawab kebijakan tersebut dapat dilaksanakan menurut tuntutan Islam?



ilmu sehingga membawa beberapa kesan negatif ke atas keluarga khususnya anak-anak. Kejahilan bapa dalam ilmu keibubapaan akan menyebabkan anak-anak terabai daripada menerima pelaksanaan tanggungjawab kebijakan. Justeru, suami yang mengamalkan poligami gagal memenuhi kebijakan anak-anak dari aspek yang dibincangkan. Bagi mereka, fenomena berpoligami dalam kalangan bapa (suami) hanya menuruti kehendak nafsu. Untuk membina sebuah keluarga bahagia, anak-anak seharusnya menerima segala keperluan sejak dilahirkan hingga meningkat dewasa. Seorang bapa harus adil dalam memenuhi segala keperluan anak-anak (Yusri Sahat 2003).

Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan berlakunya kes-kes yang dirujuk dan dibincangkan di Mahkamah Syariah membabitkan lelaki yang mengamalkan poligami





tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik dan mengabaikan isteri dan anak-anak.

Berikut adalah kes-kes yang dirujuk di Mahkamah Syariah Teluk Intan.

1.3.1. ZA (isteri) lwn KD (suami), (No.Kes: 08003-011-156/024 di Mahkamah Syariah Teluk Intan, Hilir Perak dakwaan isteri ke atas suami mengabaikan nafkah anak-anak selepas suami berpoligami. Perkahwinan pertama suami (bapa) melaksanakan tanggungjawab nafkah ke atas anak-anak dengan sempurna, apabila berpoligami tanggungjawab nafkah ke atas anak-anak mula diabaikan.

1.3.2 ZI C (isteri) lwn ZB (suami), (No. Kes: 08003-011-239/04) di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan, dakwaan isteri terhadap suami tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak. Dakwaan isteri (ibu) ke atas suami (bapa) tidak melaksanakan tanggungjawab nafkah terhadap anak-anak setelah mengamalkan poligami.

1.3.3 SM (isteri) lwn KO (suami), (No.Kes: 08004-011-255/08) di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan, dakwaan isteri (ibu) terhadap suami (bapa) yang tidak berlaku adil terhadap anak-anak dari sudut nafkah dan pendidikan setelah mengamalkan poligami. Pendidikan dan nafkah anak-anak tidak dilaksanakan dengan baik dan sempurna sepertimana sebelum berpoligami.





1.3.4 AI (isteri) lwn RO (suami), (No.Kes: 08004-011-255/08) di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan, dakwaan isteri terhadap suami yang mengabaikan kebaikan anak-anak setelah mengamalkan poligami.

Berdasarkan kes-kes dan isu di atas menunjukkan bahawa segala permasalahan yang timbul di dalam amalan poligami khusus mengenai anak-anak, bukan berpunca dari keharusan berpoligami tetapi dari pengamal poligami tersebut. Mereka tidak melaksanakan tanggungjawab menjaga kebaikan anak-anak mengikut syarat dan cara berpoligami yang dituntut oleh Islam. Dengan itu, amalan poligami menjadi subjek yang disalah tafsir oleh masyarakat khususnya golongan wanita. Ini berlaku kerana pelaksanaan tanggungjawab kebaikan terhadap anak-anak tidak disempurnakan dengan cara yang betul. Kesannya, pencapaian pendidikan anak-anak merosot, anak-anak tidak menerima tanggungjawab nafkah dengan sempurna dan anak-anak terbiar dari mengamalkan didikan agama yang diterima pada peringkat awal di rumah.

Masyarakat beranggapan bahawa amalan poligami merupakan penyebab anak-anak diabaikan oleh bapa dan secara langsung menjelaskan kebaikan kehidupan mereka. Anak-anak membawa haluan sendiri ketika berada di rumah, tidak mengambil berat berkaitan pelajaran. Terdapat juga pandangan masyarakat menyatakan, suami tidak mampu memberi nafkah yang secukupnya kepada anak-anak. Anak-anak terabai, segala keperluan persekolahan, keperluan harian, wang saku dan keperluan asas tidak dipenuhi oleh bapa. Dengan demikian timbul beberapa kesan yang agak ketara dalam masyarakat





di Malaysia terhadap amalan berpoligami hingga perkahwinan yang sah dari segi agama itu menimbulkan prasangka buruk dalam kalangan masyarakat (Yusri Sahat 2003).

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebijakan anak-anak dalam empat aspek. Bagi menepati tujuan ini, terdapat beberapa objektif khusus yang telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- 1.4.1. Untuk melihat tanggungjawab bapa dalam memberi sokongan terhadap pendidikan formal anak-anak.
- 1.4.2. Untuk melihat tanggungjawab bapa dalam aspek pendidikan agama di rumah.
- 1.4.3. Menilai sejauhmana pelaksanaan tanggungjawab bapa yang mengamalkan poligami dalam aspek menanggung nafkah terhadap anak-anak.
- 1.4.4. Untuk menganalisis pemberian kasih sayang dan perhatian bapa terhadap anak-anak.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Beberapa persoalan telah dibentuk berdasarkan objektif kajian bagi menjadi landasan kajian ini, diantaranya ialah:-





- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebijakan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, nafkah dan kasih sayang berdasarkan jantina dalam keluarga poligami?
- 1.5.2 Sejauh mana pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebijakan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, nafkah dan kasih sayang dalam keluarga poligami?
- 1.5.3 Bagaimanakah hubungan antara beberapa pembolehubah dengan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap anak-anak dalam aspek pendidikan formal?
- 1.5.4 Apakah cadangan bagi penambahbaikan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebijakan anak-anak dalam aspek pemberian kasih sayang dalam keluarga poligami?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Bagi persoalan kajian yang dikaji data yang diperolehi bagi soalan-soalan telah dianalisis dan diuraikan secara deskritif dengan menggunakan skor min, sisihan piawai dan peratus. Bagi tujuan ini sebanyak empat hipotesis nol seperti berikut telah diuji.





Ho¹ Tiada perbezaan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan formal di Daerah Hilir Perak.


Ho² Tiada perbezaan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan agama di Daerah Hilir Perak.

Ho³ Tiada perbezaan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dari aspek tanggungan nafkah di Daerah Hilir Perak.

Ho⁴ Tiada perbezaan pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dari aspek pemberian kasih sayang dan perhatian berdasarkan jantina.



Rajah 1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.7 adalah Kerangka Konseptual Kajian ini yang terdiri dari beberapa konsep yang saling berhubungkait antara satu sama lain yang membentuk gambaran mengenai amalan poligami. Kajian ini bertitik tolak dari amalan poligami bapa serta pelaksanaan melaksanakan tanggungjawabnya dalam memenuhi kebajikan kehidupan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, tanggungan nafkah dan pemberian kasih sayang serta perhatian.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan mempunyai banyak faedah dan kepentingan khusus buat pengkaji sendiri dan kepada masyarakat amnya. Hasil kajian ini penting kerana pengkaji dapat menjelaskan kepada masyarakat, adakah dengan mengamalkan poligami seorang bapa tetap melaksanakan tanggungjawabnya menjaga kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, tanggungan nafkah dan pemberian kasih sayang serta perhatian terhadap anak-anak atau sebaliknya?

Majoriti masyarakat melihat poligami secara negatif dan sering mengaitkan dengan penderaan terhadap ibu (isteri) dan kerap dikaitkan dengan isu anak-anak terabai dalam menerima pendidikan formal dan pendidikan agama. Selain itu, anak-anak tidak menerima keperluan nafkah yang mencukupi dan jauh dari menerima kasih sayang serta timbul pelbagai masalah lain. Masyarakat beranggapan konflik yang berlaku dalam sesebuah keluarga yang mengamalkan poligami adalah semata-mata disebabkan poligami. Perlu dinyatakan di sini bahawa kegagalan itu bukan disebabkan poligami semata-mata bahkan disebabkan oleh pengamalnya. Kajian ini dapat memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan.

Kesimpulannya, kajian ini dapat dimanfaatkan bagi golongan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan fenomena berpoligami dan dijadikan panduan bagi individu yang ingin berpoligami.





1.9 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini akan mengkaji tentang aspek poligami dan kebajikan terhadap anak-anak yang ibu bapa mereka mengamalkan poligami di Daerah Hilir Perak. Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada anak-anak dalam keluarga yang berpoligami bagi melihat pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, pendidikan agama, tanggungan nafkah dan pemberian kasih sayang serta perhatian. Gambaran awal yang diperolehi hanyalah terhad kepada sampel yang dipilih dalam kalangan anak yang bapa mereka mengamalkan poligami. Seramai 80 orang anak-anak yang terlibat sebagai responden untuk menjawab instrumen soal selidik. Manakala responden yang ditemubual pula melibatkan ibu bapa dan Timbalan Pegawai Tadbir



Persoalan yang dikemukakan dalam soalan soal selidik difokuskan kepada pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan formal, Pendidikan Islam, tanggungan nafkah dan pemberian kasih sayang serta perhatian. Dapatkan kajian yang dikumpulkan melalui data dan maklumat temubual pula boleh dijadikan ukuran atau panduan khususnya kepada bapa yang mengamalkan poligami dalam melaksanakan tanggungjawab mereka menjaga kebajikan anak-anak.

Kajian ini mengambil masa selama 4 bulan, bermula awal Januari hingga April 2008. Dalam tempoh tersebut pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada sejumlah responden. Empat lokasi yang terlibat dalam kajian ini iaitu zon Bandar Teluk Intan, Zon





Sungai Manik, Zon Simpang Empat dan zon Labu Kubung di dalam Daerah Hilir Perak, Negeri Perak, Darul Ridzuan.

1.10 KAJIAN – KAJIAN BERKAITAN

Secara umumnya terdapat kajian terdahulu yang telah dilakukan mengenai tajuk poligami. Namun perbincangan lebih menjurus kepada ruang lingkup poligami yang luas. Antaranya, kajian yang dijalankan oleh Salehuddin Arshad (2002) bertajuk, "Permasalahan Poligami Yang Dirujuk di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan," membincangkan permasalahan yang timbul hasil daripada berpoligami. Dalam kajian yang dilakukan, beliau membincangkan prosedur yang digunakan apabila ada permohonan poligami di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan. Kajian ini juga membincangkan sejauh mana aspek positif dan negatif dalam amalan poligami.

Selain itu, Noor Aznan Nordin (2004) telah menjalankan kajian bertajuk, "Prosedur dan Kes Poligami di Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan." Kajian ini membincangkan setiap prosedur yang menjadi amalan di Mahkamah Syariah Teluk Intan dalam menangani setiap permasalahan berkaitan dengan amalan poligami. Kajian ini mengemukakan peratusan masyarakat di Bandar Teluk Intan yang mengamalkan poligami.





Kajian oleh Haslizawati (2003) bertajuk, “Amalan Berpoligami dan Kesannya Terhadap Pembangunan Keluarga,” memfokuskan perbincangan mengenai kesan poligami terhadap pembangunan keluarga. Kajian mendapati bahawa ketentuan samada sesebuah keluarga dapat menjalani kehidupan dengan bahagia atau sebaliknya, bergantung kepada kepatuhan ahli keluarga terutamanya suami yang mengamalkan poligami terhadap ketentuan syariat dalam melaksanakan tanggungjawab memenuhi hak-hak ahli keluarga yang lain. Oleh itu implikasi negatif dan positif amalan poligami terhadap pembangunan keluarga berpunca dari pengamalnya iaitu ketua keluarga (suami).

Kajian lain yang dirujuk ialah kajian yang dilakukan oleh Sa’diah bt. Abdul Samad (2005), bertajuk: “Kesan Poligami Terhadap Keluarga Islam: Satu kajian di Pulau Langkawi”. Dalam kajian ini pengkaji lebih memberi tumpuan kepada kesan poligami dari pelbagai sudut terhadap keluarga. Kajian memberi fokus terhadap kesan ke atas keluarga dari aspek kebijakan isteri dan kebijakan anak-anak dari amalan poligami. Hasil dari kajian memberi petunjuk kepada masyarakat samada bapa yang mengamalkan poligami berjaya atau gagal melaksanakan tanggungjawabnya terhadap keluarga.

Kajian seterusnya yang menjadi rujukan pengkaji dalam menyempurnakan kajian, adalah kajian oleh Asri b. Ahmad (1992) bertajuk, “Poligami Dari Perspektif Islam: Kajian Kes di Kuala Lumpur”. Dalam kajian ini banyak membincangkan mengenai praktikal amalan berpoligami menurut pandangan Islam. Kajian beliau, banyak merujuk kepada hukum-hukum yang telah digariskan dalam Islam berkaitan amalan poligami dari aspek keadilan, kewajipan memberi nafkah dan masalah yang dihadapi oleh mereka yang





terlibat dalam amalan poligami serta lahirnya masalah sosial, akibat berlaku kepincangan dalam amalan poligami oleh pengamalnya.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Raihanah Abdullah (2006), "Law Mechanism Analysis in Preventing Polygamy Abuse in Malaysia: Perspektif Undang-undang Sosial." Kajian ini membincangkan berkenaan dengan poligami serta pelaksanaannya samada mampu mengawal penyalahgunaan atau pelaksanaannya hak atau sebaliknya. Dalam kajian ini mendedahkan kepada golongan wanita bahawa mereka mempunyai hak untuk menuntut di Mahkamah melalui saluran undang-undang sekiranya mereka diabaikan. Ramai di kalangan wanita tidak mengetahui hak-hak mereka dari sudut syarak yang telah digubal di dalam perundangan.



Selain itu Aslinda bt. Apandi (2005), turut membuat penyelidikan mengenai poligami yang bertajuk, "Objektif Syariah Dalam Amalan Poligami." Kajian ini memfokuskan tentang pensyariatan poligami serta perkara-perkara yang perlu diamalkan oleh lelaki dalam amalan berpoligami. Kajian ini membincangkan pelaksanaan dalam kerangka memenuhi objektif syariah, dan tidak melanggar peraturan syarak. Pelaksanaan tanggungjawab dalam menunaikan hak pihak-pihak dalam memastikan keluarga hidup dengan harmoni.

Kajian oleh pengkaji ini berbeza dengan kajian-kajian lalu dengan mengkhususkan penyelidikan mengenai poligami dengan tahap pelaksanaan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam aspek pendidikan formal,





perbincangan pendidikan agama, tanggungan nafkah dan pemberian kasih sayang serta perhatian.

1.11 PENUTUP

Poligami merupakan syariat yang dibenarkan dalam Islam. Poligami secara amnya menjadi bukti kesempurnaan hukum Islam kerana dapat mengelakkan manusia daripada melakukan zina. Kecacatan poligami sebenarnya bukanlah dari segi prinsip tetapi lebih kepada pelaksanaannya oleh sesetengah kaum Adam yang menyimpang dari landasan syariat. Ini dapat dibuktikan melalui statistik yang menunjukkan bahawa 80% aduan mengenai masalah rumah tangga adalah terdiri daripada kaum wanita. Ini menunjukkan bahawa krisis rumah tangga adalah berpunca daripada kelalaian pihak suami (bapa). Kesannya anak-anak akan menanggung akibat dari setiap permasalahan yang dilalui oleh isteri (ibu), dan secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap jiwa anak-anak. Pelaksanaan tanggungjawab bapa dalam kerangka menjaga kebijakan anak-anak wajib dilaksanakan dengan amanah. Poligami tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh suami (bapa) sehingga menyebabkan berlakunya pengabaian tugas sebagai bapa (suami) terhadap ahli keluarga yang lain.

